

ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM oleh Dr. Taha Jabir Fayyad al-Alwani. Diterjemahkan Oleh Muhammad Rivai Batubara Tempat: JAKIM dan ABIM cetakan keempat, 2024. Halaman 164. ISBN: 978-983-042-686-0.

Buku Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam adalah karya terjemahan oleh Saudara Muhammad Rivai Batubara memberikan gambaran keseluruhan tentang adab dalam berbeza pendapat dengan hikmah. Karya asal yang diterjemah ialah *Adab al-ikhtilaf fi al-Islam* hasil tulisan Shaykh Dr. Taha Jabir Fayyad al-Alwani rahimahullah. Inisiatif ini adalah usaha berterusan dalam menggalakkan wacana pemikiran Islam yang boleh memberi pencerahan dan kebaikan kepada masyarakat umum.

Syeikh Dr. Taha Jabir Alwani adalah seorang ulama terkemuka dalam teori perundangan Islam, fiqh, usul al-fiqh, ilmu al-Quran, dan pemikiran Islam umum. Sebagai seorang ulama dan intelektual awam, Dr. Alwani sering mengutarakan pemikirannya dengan keberanian dan integriti. Dr. Alwani sentiasa berkongsi pemikiran dan penyelesaiannya kepada pelbagai isu kontemporari masyarakat Islam di seluruh dunia.

Sumbangan daripada pembacaan buku ini memberikan gambaran keseluruhan berkaitan persoalan perbezaan pandangan antara ulama-ulama besar sebelum ini yang mana amat bertolak ansur asalkan perkara yang berbeza itu tidak melanggar syariat atau hukum yang tetap (*thabit*) sekaligus mengelakkan dari terjerumus dalam perbalahan. Perbincangan buku ini sendiri berlaku di ruang hujah dan fakta dan tidak menggunakan kata kesat serta maki hamun.

Buku ini memiliki remedi yang baik kepada isu perbezaan pendapat. Ia mengingatkan bahawa umat Islam perlulah menangani perbezaan pendapat dengan baik, dengan adab, dengan susila sepertimana yang diajarkan Islam dan diwarisi oleh budaya timur. Ia mengingatkan agar umat Islam meskipun berbeza pendapat, tetapi bersatu padu, memiliki *wahdatul fikri* (kesatuan fikiran), dan tidak membawa keegoan serta ketaksuban ketika menangani perbezaan pendapat.

Isu paling kritikal yang menimpa umat Islam pada zaman ini ialah isu Ikhtilaf atau perselisihan pendapat. Isu ini berpunca kebanyakannya daripada sifat ego yang melarat ke dalam segenap lapisan institusi dalam masyarakat pada hari ini. Keadaan ini nyata merugikan umat dan memecahbelahkan kesatuan yang sedia ada lemah. Justeru, para ulamalah yang perlu bertindak bagi menyatupadukan umat dan menjaganya daripada semakin terpecah dan terpesong. Ulama adalah penjaga umat dengan menyeru kepada jalan yang benar dan mencegah umat daripada perpecahan dan permusuhan.

Buku ini adalah merupakan antara buku terawal yang dikarang oleh Sheikh Dr. Taha Jābir Fayyad al-'Alwānī. Dalam buku yang komprehensif ini, beliau menyusun enam bab dengan baik, dimulakan dengan perbahasan apa itu ikhtilaf - apa yang boleh diikhtilafkan dan apa yang tidak boleh diikhtilafkan; beliau memaksudkan ikhtilaf dalam *furū'* dibolehkan -, diikuti dengan perbahasan sejarah ikhtilaf dalam tamadun Islam.

Melihat kepada tajuk dan ilustrasi pada muka depan buku ini, penulis tertarik dengan konsep “adab” yang menjadi elemen fundamental di dalam penulisan buku ini. Buku ini diwacanakan dan diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuklah bahasa Melayu. Buku ini dijadikan panduan umum para pelajar Islam dan penggerak dakwah Islam berkenaan cara mengendali ikhtilaf di lokasi masing-masing dan telah banyak membantu mencerahkan pemikiran umat Islam berkenaan isu ikhtilaf khususnya dalam kalangan anak muda dan para sarjana yang berfikiran *wasatiyah*.

Shaykh Dr. Tāha Jābir Fayyad al-'Alwānī berkali-kali diminta untuk menulis semula dan menambah isi kandungan kepada buku *Adab al-Ikhtilaf* ini. Akan tetapi, sesuai yang ditakdirkan Allah SWT, beliau telah melakukan murāja'ah (bacaan semula) kepada buku *Adab al-Ikhtilaf* dan mendapati perlunya satu usaha mengkonsistenkan buku tersebut dengan konsep *marja'iyyah al-Qur'an* (al-Quran sebagai sumber utama) dan metode *al-'Ard 'ala al-Qur'an* (membandingkan dan menganalisis sesuatu pendapat dengan al-Qur'an) yang dibinanya sepanjang hayatnya. Beliau menulis sebuah buku baharu yang berjudul, *Min Adab al-Ikhtilaf ilā Nabdh al-Khilaf* yang boleh diterjemahkan sebagai Daripada Adab Ikhtilaf kepada Menghapuskan Khilaf.

Dengan ketebalan 178 halaman, 11 bab dengan 55 kupasan mendalam terhadap menjawab persoalan apakah ia adab Muslim khususnya dalam menghadapi perbezaan pendapat.

Mari kita lihat susunan 11 bab yang disusun mengikut.

Isu-isu fundamental terlihat memberi fokus kepada perkara infrastruktur dan superstruktur dan stratifikasi sosial masyarakat seperti definisi dan hal konseptual sosiologi ras dan teori sosial. Berganjak kepada rincian rasisme dan antisemitisme. Penulis setuju dengan perletakan tema kolonialisasi sebagai isu pokok pada bab yang keempat. Isu feminism juga dibincangkan, begitu juga isu perbezaan dan identiti serta penegasan bab akhir yang memberi cabaran dan harapan iaitu pengharapan bagi mengubah sudut pandang terhadap elemen ruang dan persempadan (yang mengikut perkiraan penulis adalah termasuk ruang dan persempadan maya dan sosiologikal).

Bahagian awal buku ini dadahului dengan jadual transliterasi memandangkan karya ini adalah karya terjemahan, kata pengantar oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, prakata penerbit, prakata terjemahan dan kata pengantar.

Bab pertama bertajuk “hakikat perselisihan pendapat dan perkara-perkara yang berkaitan”. ianya diolah dengan 7 sub bab seperti; Perselisihan pendapat dan ilmu mengenai perselisihan pendapat; perdebatan dan ilmu berdebat; perbalahan; perselisihan pendapat yang diterima dan ditolak; antara faedah yang dapat diterima; pembahagian perselisihan pendapat mengikut faktor-faktor penggeraknya dan pendapat para ulama mengenai perselisihan pendapat.

Dapat disimpulkan daripada bab pertama ini ialah perbincangan berupa perkara konseptual berkaitan adab, ilmu dan praktis. Lebih spesifik, berkaitan mengetahui apakah itu ilmu?, persangkutannya dengan adab, perbezaan perdebatan dan perbalahan, perkara etika, baik buruk dan perselisihan beserta sebab dan bagaimana para ulama

memberi pendapat tentang adab dalam berselisih faham dalam Islam. Dapat disimpulkan bahawa perselisihan dan perbezaan pendapat adalah dibolehkan tetapi perlu ditangani dengan adab Islamiah.

Bab kedua bertajuk “Sejarah perselisihan pendapat dan perkembangannya”. Terdapat 23 sub-bab yang menghuraikan tajuk ini menjadikan bab ini sebagai bab yang paling panjang dalam semua perbincangan bab yang ada.

Bab kedua memberi penekanan kepada perkara takwil dan 3 jenis-jenisnya; peringatan Nabi SAW berkaitan adab berbeza pendapat; panduan perselisihan pendapat pada zaman nabi; garis panduan takwil; ahli ijtihad dalam kalangan para sahabat; panduan perselisihan pada zaman nabi, adab perselisihan pada zaman sahabat. Terdapat 5 sorotan perselisihan pendapat diberikan pada zaman sahabat mengenai kewafatan Baginda; pusara Baginda; Khalifatullah dan perselisihan pendapat dalam memerangi orang yang enggan membayar zakat. Adab perselisihan disambung dengan memberikan beberapa situasi perselisihan ketika zaman sahabat; Umar dan ali; Ibn Abbas dengan Zayd bin Thabit, dan gambaran *Dirar* mengenai Ali dan Tangis Muawiyah. 4 sub-bab terakhir membincangkan ciri-ciri utama perbezaan pendapat pada zaman Kulafa al Rasyidin; perselisihan pendapat pada zaman Tabiin dan adabnya; kesan pergelutan politik terhadap perselisihan akidah dan fiqh serta dialog antara Ibn Abbs dengan *Khawarij*.

Bab ketiga membincangkan tajuk “Perbezaan manhaj Imam dalam menentukan hukum’. Bab ini mengupas mazhab-mazhab Figh dan mazhab imam-imam masyhur seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Al Shafie, Imam Ahamed bin Hanbal dan manhaj Imam al-Zahiri. Penulis turut menyertakan ulasan beliau tentang perbezaan manhaj menurut pandangan 5 Imam masyhur.

Bab keempat pula bertajuk “Sebab-sebab perbezaan pendapat dan perkembangannya”. terdapat 4 sebab utama yang diberi sorotan bermula dengan sebab-sebab perbezaan pendapat pada zaman kenabian sehingga zaman fuqaha. Antara sebab yang diberi sorotan ialah sebab yang berpunca daripada Riwayat Sunnah dan sebab-sebab yang berpunca daripada kaedah usul dan panduan istinbat.

Bab kelima adalah pada hemat penulis adalah paling menarik kerana membincangkan “panduan dan adab perbezaan pendapat dalam karangan Imam mazhab”. Di dalam 10 sub-bab yang dihuraikan, sangat jelas membincangkan panduan dan adab yang disarankan oleh Imam-imam Mazhab yang masyhur.

Sementalah bab terakhir iaitu bab keenam membincangkan tajuk “perselisihan pendapat selepas kurun terbaik dan adabnya”. Dalam bab ini dihuraikan tentang situasi perselisihan pendapat merentas peradaban dan tamadun teraik dunia untuk dijadikan panduan dan iktibar. Terdapat situasi selepas kurun keempat yang dibincangkan; perbincangan berkaitan taklid dan akibatnya; situasi umat pada zaman akhir; sebab-sebab perselisihan pendapat hari ini dan; jalan yang selamat.

Daripada perbincangan di atas, ditonjolkan dalam *The Ethics of Disagreement in Islam* karya Taha Jabir bahawa umat Islam harus sedar tentang ancaman pertikaian. Salah satunya, yang telah diperingatkan oleh Ibn Mas`ud bahawa perselisihan adalah jahat, dan oleh itu, dilarang dalam Islam. Begitu juga, mesej yang sama telah digarisukkan dalam Al-Quran apabila sesetengah orang mengambil pandangan yang berbeza, "sebahagian daripada mereka mencapai iman, manakala sebahagian yang lain datang untuk mengingkari kebenaran" (2:253). Malah, Nabi SAW juga telah memberi amaran kepada umat Islam tentang kehancuran masyarakat terdahulu bahawa "Bani Israel binasa hanya kerana banyak bertanya dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka." Sememangnya Taha Jabir telah menggariskan garis panduan yang luar biasa untuk dicontohi oleh umat Islam agar mereka sedar akan akibat perselisihan. Akibat utamanya ialah umat Islam tidak akan pernah bersatu, dan kepentingan peribadi kerana perbezaan politik dan keadaan, adalah lebih baik daripada asas-asas Islam. Ini telah berlaku pada zaman al-Ghazālī sejak perpecahan kepimpinan intelektual dan politik, umat Islam bergetar dengan taklid buta (taklid) dan konflik ketegasan dan kemandulan sambil mencari arah. Buku *The Ethics of Disagreement in Islam* ini harus dibaca oleh semua agar umat Islam tidak mencacatkan perpaduan dan persaudaraan walaupun terdapat banyak perbezaan (Marina Munira Abdul Mutualib, 2017)

Hari ini kita mengukur keilmuan manusia hari ini berdasarkan saiz 'stor' maklumat seseorang. Kegiatan keilmuan Islam hanyalah proses memindahkan maklumat daripada dada seorang guru ke dalam dada murid. Maklumat yang diterima terus ditelan tanpa ada usaha untuk penganalisaan maklumat sebagai memastikan ketepatannya dari sudut ilmiah. Mana-mana ilmuwan yang cuba melawan arus perdana ini akan dipandang serong dan ada yang dihukum sesat dan dituduh cuba mengelirukan umat Islam. Projek pembodohan umat ini berleluasa dan penguatkuasaan undang-undang oleh pihak-pihak tertentu yang menguasai institusi agama sedang dilaksanakan ke atas mana-mana ilmuan yang berani melawan arus.

Kita sekarang ini sedang lena dibuai taklid. Tiada siapa yang berani mengaku benar-benar berjaya melepaskan diri daripada taqlid sepenuhnya. Akar taklid telah membilit dan mencengkam erat umat ini sehingga kelompok yang menyeru kepada pembebasan daripada taklid sendiri pun masih belum dapat meloloskan diri daripada taqlid. Tiada lagi siapa yang berani mengaku mampu mengambil hukum terus daripada Al-Quran dan As Sunnah melainkan terpaksa mentelaah sejumlah kitab dan bertaklid kepada penulis-penulis kitab yang mereka pilih. Namun begitu usaha meningkatkan kemampuan diri untuk meningkat daripada istilah 'taklid buta' kepada taqlid yang lebih terpuji juga telah semakin berkembang secara positif dalam kalangan umat Islam hari ini. Umat Islam sudah mulai berani bertanya dalil, ada yang sudah mampu membandingkan antara dalil-dalil dan mentarikhkan dalil yang paling kuat untuk dipegang. Setidak-tidaknya ini adalah satu kemajuan yang sedang berlaku. Apa yang paling utama di ketika ini ialah masing-masing perlu terus mempelajari dan menghayati satu ilmu yang sangat berharga yang sedang diperkatakan dalam tulisan ini iaitu '*Adab al Ikhtilaf*' yang kita warisi daripada para salaf (Reejal Arif, 2008)

Memandangkan Dr. Taha Jabir Alwani memberikan sumbangan intelek yang mendalam kepada umat Muslim, maka kita masih berduka cita atas kematianinya pada 4 Mac 2016. Sememangnya kehilangan besar bukan sahaja untuk keluarga terdekatnya tetapi juga di seluruh dunia, dan umat Islam. Sumbangan intelektualnya yang luar biasa

kepada pembaharuan dan kebangkitan pemikiran Islam adalah warisan yang kekal. Sumbangan intelektual Dr. Alwani akan terus membimbang kerja generasi cendekiawan Islam di seluruh dunia.

Berikut adalah nukilan beliau "Saya Seorang Muslim", yang ditulis beberapa hari sebelum kematianya;

I Am a Muslim (Zainab, 2016)

I sanctify Justice, glorify freedom, honor the human being, demonstrate gentleness with the weak, and remind the powerful of the One more powerful than them.

I advise the rich to fulfill the rights of the poor in wealth, and remind the poor that rich people were entrusted by God in His wealth to fulfill the rights of the poor.

Rujukan

Alwani, Taha Jabir. Issues in Contemporary Islamic Thought (5): The Ethics of Disagreement in Islam, edited by A.S. al Shaikh-Ali, translated by AbdulWahid Hamid. Herndon, VA:IIIT, 1997.

Marina Munira Abdul Mutalib. 2017. The Ethics of Disagreement in Islam: A Tribute to Taha Jabir al-Awani, Herndon USA: IIIT, 1993, ISBN 1-56564-117-5.

Ulum Islamiyyah Vol. 20 (April) 2017: pp 106-107. Universiti Sains Islam Malaysia.

(PDF) Pemikiran dan Sumbangan Intelek Sheikh Dr Taha Jabir Alwani kepada Gerakan ABIM. Boleh didapati daripada: https://www.researchgate.net/publication/358964040_Sheikh_Dr_Taha_Jabir_Alwani_Thought_and_Intellectual_Contributions_to_ABIM_Movement. Diakses pada 10 Mac 2025.

Reejal Arif. 2008. Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam.

<https://reejalariff.blogspot.com/2018/07/ulasan-buku.html>. Diakses 10 Mac 2025.

Zainab Alwani. I Am A Muslim: Final Words From Shaykh Taha Jabir al-Alwani. March, 26, 2016. Al-Madina Institute, <http://almadinainstitute.org/blog/i-am-a-muslim-final-words-from-shaykh-taha-jabir-al-alwani/>

Rosfazila binti Abd Rahman

Jabatan Pengajian Ketamadunan & Pembangunan Insan [JPKPI]
Fakulti Sains Sosial [FSS]
Universiti Islam Selangor [UIS]